



# SIARAN AKHBAR

## MAJLIS PELANCARAN BULAN WAKAF KEBANGSAAN TAHUN 2021

**Kuala Lumpur, 13 April 2021** – Kerajaan mengiktiraf kuasa negeri-negeri dalam aspek pengurusan dan pembangunan hartanah wakaf yang dizahirkan melalui penubuhan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada tahun 2004 dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) pada tahun 2008, yang bertujuan menjadi pelengkap kepada usaha Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin semasa Majlis Pelancaran Bulan Wakaf Kebangsaan Tahun 2021 yang bertemakan “Wakaf untuk Kemakmuran Bersama” berkata, bagi tujuan ini, penglibatan semua pihak sama ada masyarakat, agensi Kerajaan, syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan dapat dioptimumkan demi memperkasakan peranan wakaf dalam usaha membangunkan ekonomi negara. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telahpun mengambil inisiatif segera bekerjasama dengan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dalam mewujudkan Tabung Wakaf Perkhidmatan Air atau Wakaf Air pada 17 Disember 2020 yang lalu. Kerjasama ini diperluaskan menerusi kerjasama dengan syarikat-syarikat iaitu Kenanga Investors Berhad dengan pewujudan Dana Kenanga Waqf Al-Ihsan dan Bank Rakyat dalam meningkatkan lagi

tabungan dana wakaf melalui platform yang disediakan oleh Bank Rakyat.

Tambahnya, dalam usaha menjadikan wakaf sebagai salah satu elemen penting dalam pembangunan ekonomi negara, tanpa menidakkan peranan Majlis Agama Islam Negeri-negeri sebagai pemegang amanah tunggal hartanah wakaf di Malaysia, empat (4) perkara utama perlu diberi perhatian, iaitu:

1. **Pertama**, meningkatkan tabungan dana wakaf bagi membolehkan banyak lagi aset wakaf diwujudkan;
2. **Kedua**, menjadikan pembangunan hartanah wakaf sebagai satu elemen penting dalam penyediaan pelan pembangunan Rancangan Malaysia Lima (5) tahun negara melalui kerjasama Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Yayasan Waqaf Malaysia dan Majlis Agama Islam dengan GLC, GLIC, badan korporat;
3. **Ketiga**, memperhebatkan lagi aktiviti pembudayaan dan sosialisasi wakaf ke arah mewujudkan masyarakat celik wakaf; dan
4. **Keempat**, YWM khususnya perlu diperkasa sama ada dalam bentuk suntikan dana atau pertambahan bakat supaya dapat benar-benar menjadi contoh teladan pentadbiran wakaf yang terkehadapan di peringkat antarabangsa. Institusi-institusi berkaitan wakaf di Malaysia boleh menawarkan kepakaran serta model amalan terbaik kepada negara-negara Islam yang lain dalam usaha mengembalikan kegemilangan wakaf.

Menerusi majlis ini juga, Ketua Pegawai Eksekutif YWM, Prof. Madya Dr. Amir bin Shaharuddin telah menerima replika cek Geran Sepadan Wakaf Tunai berjumlah RM1,000,000.00 di mana bagi setiap ringgit yang disumbangkan oleh pewakaf individu ke platform yang disediakan oleh Bank Rakyat, Bank Rakyat akan mewakafkan nilai yang sama kepada Dana Wakaf Tunai ini dan RM50,000.00

Dana Permulaan Wakaf Tunai daripada Encik Nizam Sani, Ketua Pemasaran dan Komunikasi Bank Rakyat. Manakala Encik Ismitz Matthew De Alwis, Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Kenanga Investors Berhad telah menyerahkan Prospektus Dana Kenanga Waqf Al-Ihsan kepada YWM.

Majlis anjuran Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dengan kerjasama Bank Rakyat dan Kenanga Investors Berhad ini merupakan program yang julung kali diadakan dan turut diserikan dengan penyampaian ucaptama oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Majlis turut disertai oleh Ketua Setiausaha Negara, Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Jabatan / Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri wakil-wakil Majlis Agama Islam Negeri, wakil Kenanga Investors Berhad dan Bank Rakyat.

Pertanyaan lanjut boleh hubungi Cik Haidatul Azia binti Husin di talian 019-3883395.

**Jabatan Wakaf Zakat dan Haji**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**13 April 2021**

**ANTARA AKTIVITI BULAN WAKAF KEBANGSAAN 2021 YANG TELAH  
DIRANGKA OLEH YAYASAN WAQAF MALAYSIA DAN MAJLIS AGAMA  
ISLAM NEGERI**

1. Perbincangan Meja Bulat Pelan Induk Wakaf Nasional
2. Program Singgah Sahur
3. Program Sumbangan Prihatin YWM
4. Program Penyerahan Peralatan Hospital (Aset Alih Wakaf)
5. Majlis Berbuka Puasa Bersama Pewakaf
6. Webinar Wakaf Peringkat Negeri
7. Kempen Potongan Gaji Secara Sukarela Bagi Penjawat Awam
8. Program Kemahiran Belajar Anak-Anak Asnaf
9. Kempen Zakat & Wakaf 'Online'
10. *Webinar Facebook Live*
11. Penyerahan Katil Wakaf Menerusi Wakaf Kesihatan
12. Program Gotong-Royong Kawasan Tanah Perkuburan Wakaf
13. Program Bantuan Prihatin
14. Menerima dan Menguruskan Pewakafan Tanah
15. Program Menyantuni Pewakaf Korporat dan Persendirian
16. Penyerahan Mesin Hemodialisis Wakaf
17. Program Cakna Komuniti
18. Kuiz Media Sosial Ramadan 1442H